

| | |
|-----------|-----------|
| Newspaper | Harakah |
| Date | 31/1/2011 |

Wanita Pertama tercatat dalam Perkara 32(2) Perlembagaan

KUALA LUMPUR: Pakar Perlembagaan, Prof Dr Abdul Aziz Bari menyatakan Rosmah Mansor hanyalah bergelar isteri Perdana Menteri dan bukannya bergelar "Wanita Pertama" yang sepatutnya diberi kepada Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong seperti yang dinyatakan dalam Perlembagaan.

"Menurut Perkara 32 (2) dalam Bab 1 berkaitan "Ketua Utama Negara bagi Persekutuan, dan isterinya" jelas dinyatakan, "Isteri Yang di-Pertuan Agong (digelar Raja Permaisuri Agong) hendaklah diberi keutamaan daripada segala orang lain di dalam Persekutuan selepas Yang di-Pertuan Agong"

"Oleh kerana Yang di-Pertuan Agong mestilah seorang lelaki maka isteri baginda menjadi Permaisuri Agong dan bagindalah yang menurut Perlembagaan memegang gelaran Wanita Pertama Malaysia bukannya mana-mana pihak lain," jelas beliau.

Dalam sistem kepresidenan (*presidency*) Perancis seperti juga dalam sistem Amerika, Presiden adalah Ketua Negara dan Ketua Kerajaan, maka isteri Presiden Perancis dan Presiden Amerika memainkan peranan sebagai Wanita Pertama atau *First Lady*.

"Kita tidak ada sistem itu. Kita ada dua ketua. Ketua Negara adalah Yang

di-Pertuan Agong dan Ketua Kerajaan adalah Perdana Menteri. Macam Ratu Inggeris Ketua Negara dan Perdana Menteri Inggeris Ketua Kerajaan," kata Exco Muslimat PAS Pusat, Aiman Athirah Al-Jundi.

Katanya, rakyat janganlah silap atau sengaja memberi gelaran atau jolokan "Wanita Pertama" (*First Lady*) kepada sesiapa pun, kerana tidak mahu berlaku salah protokol disebabkan Malaysia adalah negara Raja Berperlembagaan dan ada adat resam sendiri.

Sebelum ini, Ketua Muslimat PAS Pusat, Ustazah Nuridah Salleh pernah menggesa Rosmah Mansor membuat permohonan



Dr Abdul Aziz Bari

maaf secara terbuka kerana merujuk dirinya sebagai "Wanita Pertama" atau "*First Lady*" yang baginya merupakan suatu tindakan yang dianggap menderhaka.

"Gelaran ini sama sekali tidak harus menjadi pertikaian dan juga hasrat bagi sesiapa sahaja untuk memilikinya kerana ia jelas tertulis dari sudut Perlembagaan Negara," ujarnya.